

USIM tuan rumah pesta filem

Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjadi tuan rumah Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia ke-10 (FFVPM-10) buat julung kali yang akan berlangsung pada 15 hingga 16 November depan di Stadium Tertutup Nilai.

Penganjuran FFVPM-10 dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) itu bertemakan 'Evolusi Lensa Merentas Globalisasi' yang menekankan kualiti produk penyiaran dan mesej nilai murni dalam era globalisasi.

Penasihat bersama Jawatankuasa FFVPM Prof Dr Zulkiple Abd Ghani berkata, tujuh kategori dipertandingkan iaitu Filem/Video Pendek, Filem/ Video Dokumentari, Filem/Video Eksperimen, Video Klip, Iklan, Filem/ Video Animasi dan Pesanan Khidmat Awam (PSA).

"Penilaian dilakukan ter-



RAJA Rozaimie (tengah) menyampaikan dana penajaan FFVPM kepada Asma sambil diperhatikan Zulkiple (kanan).

hadap kreativiti dan inovasi peserta berdasarkan tema FFVPM-10. Keaslian naratif filem dan video serta kelainan tema turut diberikan perhatian," katanya pada sidang media selepas menghadiri majlis penyerahan cek FFVPM-10 di Bangunan Canselor USIM di sini, semalam.

Turut hadir Naib Canselor USIM Prof Datuk Dr Asma Ismail dan Ketua Pengarah FINAS Raja Rozaimie Raja Dalnish Shah

Zulkiple yang juga Dekan

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM berkata, Program Komunikasi FKP USIM pertama kali diberi tanggungjawab menganjurkan anugerah berprestij itu membabitkan seluruh tenaga kerja pelajar jurusan kewartawanan dan penyiaran.

Raja Rozaimie berkata, pihaknya menaja RM135,000 bagi penganjuran FFVPM-10.

"Festival turut mahu pelajar menghasilkan produk untuk pasaran dalam dan luar negara," katanya.